

| | | | |
|------------|---|-------------|--------------------|
| Headline | Singapura tarik sekatan kemasukan pesakit HIV | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 01 Sep 2015 | Color | Black/white |
| Section | Global | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | 47 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 77 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,770 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,310 |



Singapura tarik sekatan kemasukan pesakit HIV

Singapura - Kerajaan Singapura menarik balik larangan selama dua dekad yang menghalang pesakit HIV daripada memasuki negara itu tetapi menghadkan lawatan mereka kepada tiga bulan.

Kementerian Kesihatan memberitahu, larangan itu ditarik balik pada 1 April lalu bagi membolehkan lebih 5,000 penduduk Singapura yang dijangkiti HIV mendapatkan rawatan yang efektif.

Had tinggal selama tiga bulan bertujuan menghalang pesakit tinggal lebih lama seperti mahu mencari pekerjaan atau menemani anak

mereka belajar.

“Dasar penghantaran balik dan mengharamkan pesakit HIV dicadangkan pada lewat 1980-an ketika penyakit itu masih baru dan tiada rawatan efektif,” kata jurucakap Kementerian Kesihatan.

Menurutnya, lawatan jangka pendek didapati mempunyai risiko rendah penyakit itu boleh menjangkiti penduduk tempatan.

“Bagaimanapun, pesakit HIV dilarang tinggal dalam jangka waktu yang panjang kerana risikonya kepada penduduk tidak diketahui,” jelasnya. - AP